

06/08/1998

Sejuta buku, 1,001 pustaka desa

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Pembangunan Luar Bandar berharap dapat mengumpul lebih sejuta buku sepanjang Kempen Derma Buku dua bulan, mulai hari ini.

Menterinya, Datuk Annuar Musa, berkata kempen itu juga mempunyai matlamat membuka 1,001 perpustakaan desa di kawasan pedalaman terpilih di seluruh negara termasuk di rumah panjang Sabah dan Sarawak.

"Kita berharap kempen ini membolehkan lebih sejuta buku dikumpul untuk disalurkan ke 1,001 perpustakaan desa yang akan dibuka menjelang akhir tahun ini dengan kerjasama Pos Malaysia.

"Kawasan luar bandar yang terpilih merangkumi rumah panjang, estet, kampung, rumah orang tua dan pusat pemulihan dadah.

"Malah kementerian juga akan menimbang permohonan jawatankuasa masjid, pemilik warung dan gerai jika berminat membuka sudut bacaan di tempat masing-masing," katanya selepas meraikan anggota Kabinet di jamuan tengah hari selepas pelancaran kempen itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di stesen minyak Petronas Taman Sri Hartamas, di sini, hari ini.

Annuar berkata, kesedaran menganjurkan kempen itu timbul selepas mendapati usaha membuka lebih banyak perpustakaan desa bergerak perlahan dengan hanya 198 perpustakaan dibuka sepanjang tempoh lima tahun.

"Kira-kira tiga bulan lalu kita membuat semakan dan mendapati proses menyediakan pusat bacaan di kawasan luar bandar bergerak terlalu perlahan," katanya.

(END)